

## Operasi pembenihan awan diperluas

Oleh FARHANA JONI dan ZAKI SALLEH  
 pengarang@utusan.com.my

■ IPOH 14 SEPT

**O**PERASI pembenihan awan akan diperluaskan ke negeri lain selepas Sarawak dan Selangor sekiranya bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) di kawasan berkenaan semakin meningkat bagi mengurangkan kesan jerebu.

Berdasarkan portal Sistem Pengurusan Indeks Pencemaran Udara Malaysia (APIMS) sehingga pukul 10 pagi ini, Kuching mencatatkan bacaan 221 manakala Tangkak di Johor dan Johor Setia (Selangor) mencatatkan lebih 200.

Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (Mestec), Isnaraissah Munirah Majilis berkata, pihak kementerian keti-



PEMANDANGAN bandar raya Kuala Lumpur ditenggelami jerebu kira-kira jam 2.38 petang semalam. - MINGGUAN/AZLAN HADI ABUBAKAR

ka ini memberi tumpuan kepada situasi di Selangor berdasarkan bacaan IPU semasa.

"Operasi pembenihan juga hanya boleh dilakukan setelah mengambil kira bacaan kelembapan awan di kawasan yang telah ditetapkan," katanya ketika ditemui pada program Go

Nature Campaign 2.0 (GNC2.0) 2019 di Kompleks Canselor, Universiti Teknologi Petronas (UTP) di sini hari ini.

Dalam pada itu kata beliau, kerajaan Malaysia dan Indonesia sedang berbincang untuk menangani isu jerebu termasuk kerjasama memadam kebakaran.

Dalam perkembangan sama, berdasarkan portal Sistem Pengurusan Indeks Pencemaran Udara Malaysia (APIMS) petang ini, hanya dua kawasan mencatatkan bacaan IPU sihat iaitu di Langkawi dan Kangar.

Kebanyakan kawasan lain mencatatkan IPU sederhana

atau tidak sihat dan tiga kawasan mencatatkan sangat tidak sihat iaitu Tangkak (208), Kuching (222) serta Samarahan (204).

Sementara itu, Sime Darby Plantation Berhad (SDP) dan IOI Corporation Berhad (IOI) menafikan berlaku pembakaran di ladang milik mereka di Indonesia.

SDP dalam kenyataan berkata, tiada sebarang tindakan diambil oleh pihak berkuasa Indonesia termasuk menutup kawasan operasi unit SDP dan IOI di negara tersebut.

Katanya, PT Sime Indo Agro (PT SIA) merupakan sebahagian daripada Kumpulan Minamas anak syarikat sepenuhnya milik SDP.

Jelas kenyataan yang dikeluarkan dalam laman web SDP itu, kebakaran yang berlaku pada 3 Mac lalu di luar kawasan operasi PT SIA iaitu tanah yang dimiliki masyarakat setempat.

### ANALISIS

Oleh AFIQ MOHD. SHAH

## Jerebu: Bukan masa tuding jari

**SUDAH** lebih seminggu rakyat seluruh negara terpaksa berhadapan situasi menyesak dada apabila jerebu mula menyelubungi negara sehinggalah ada beberapa kawasan telah mencapai bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) sangat tidak sihat.

Ini bukan isu baharu malah telah 'dinikmati' mungkin sejak 20 tahun dahulu. Setiap tahun tanpa 'jemu' rakyat negara terpaksa menyedut udara tidak sihat hasil tindakan tidak bertanggungjawab yang umum sudah mengetahui datang dari mana.

Jadi, apabila Menteri Lingkungan Hidup dan Kehutanan Indonesia, Siti Nurbaya Bakar pada mulanya mendakwa jerebu yang melanda Malaysia bukan berpunca dari Indonesia, sebaliknya dari Sarawak, itu mencetuskan persoalan kerana fakta dan data jelas menunjukkan kebanyakan titik-titik panas berada di Kalimantan serta Sumatera.

Selepas kerajaan bertindak balas mengemukakan aduan rasmi berhubung jerebu rentas sempadan yang dikatakan berpunca daripada kebakaran hutan dan tanah di republik itu, Siti Nurbaya seolah-olah 'tidak mahu mengaku kesalahan' apabila tetap dengan pendirian bahawa asap yang menyumbang kepada pencemaran kualiti udara tetap hadir dari Malaysia.

Lebih memburukkan keadaan, Indonesia malah menyalahkan anak syarikat kepada empat syarikat perladangan kelapa sawit utama milik Malaysia iaitu IOI Corporation, Sime

Perkara seumpama ini tidak seharusnya berlaku kerana republik itu dan Malaysia sepatutnya mencari jalan penyelesaian menamatkan 'penyeksaan' rakyat di kedua-dua negara.

Darby Bhd., TDM Bhd. dan Kuala Lumpur Kepong Bhd., sebagai punca kebakaran hutan negara itu.

Seperti kata Menteri Industri Utama, Teresa Kok, tuduhan itu sememangnya serius apatah lagi keempat-empat syarikat perladangan kelapa sawit itu merupakan syarikat yang dihormati.

Mengapa pula Indonesia mahu mencetuskan polemik dengan menuding jari? Perkara seumpama ini tidak seharusnya berlaku kerana republik itu dan Malaysia sepatutnya mencari jalan penyelesaian menamatkan 'penyeksaan' rakyat di kedua-dua negara.

Sekarang bukan masanya mencari siapa salah atau siapa betul kerana sekiranya tidak dibendung, masalah yang sama akan berulang setiap kali tahun baharu tiba.

Hal-hal merentasi sempadan perlu diselesaikan dengan hemah dan baik. Duduklah berbincang wahai menteri kerana pada akhirnya rakyat yang terpaksa menanggung derita.